

Soviet harap lawatan PM akan dapat tingkatkan perdagangan

KUALA LUMPUR 30
Julai — Soviet Union berharap hasil lawatan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ke USSR akan meningkatkan jumlah perdagangan antara kedua-dua negara.

Pesuruhjaya Perdagangan Soviet di sini, V.V. Khchtoian, hari ini berkata perseimbangan perdagangan menguntungkan Malaysia dan menambah kata pada tahun lepas, ketidakseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah AS\$129 juta (M\$353 juta).

Soviet Union membayar lebih AS\$3,000 juta (M\$7,500 juta) bagi barangan Malaysia sejak 1976, katanya pada persidangan akhbar sempena pelancaran buku "Reorganisation in the USSR: Perspectives and Opportunities" di sini.

Buku itu diterbitkan sempena lawatan Datuk Sri Dr. Mahathir ke Soviet Union.

Encik Khchtoian berkata pada tahun ini, import komoditi Malaysia ialah antara AS\$40 juta (M\$100 juta) dan AS\$50 juta (M\$125 juta).

"Kami akan meningkatkan urusan perdagangan dengan syarikat-syarikat Malaysia dan menambah kata, negaranya bukan sahaja berminat terhadap komoditi bahkan barangan siap buatan Malaysia," katanya.

Beliau berkata USSR membeli sesetengah barangan Malaysia melalui negara ketiga kerana harga yang disebutkan oleh broker-broker komoditi di Eropah lebih rendah.

Encik Khchtoian berkata USSR berminat untuk meningkatkan eksportnya terutama jentera berat seperti traktor ke Malaysia.